

**KEUSAHAWANAN MAMPAK MELALUI PROSES PEMERKASAAN
 SOSIOEKONOMI DALAM KALANGAN USAHAWAN BIMBINGAN
 PROGRAM 2 YEARS EXIT PROGRAMME YANG BERJAYA DI NEGERI
 SEMBILAN, MALAYSIA**

**Putri Noorafedah, MEGAT TAJUDIN¹, Khairuddin, IDRIS², Nur Aira, ABD RAHIM³,
 Mohd.Mursyid, ARSHAD⁴**

Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)^{1,2}

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan (JPPPL)^{3,4}

putrinoorafedah@gmail.com¹, kidin@putra.edu.my², nuraira@upm.edu.my³, m_mursyid@upm.edu.my⁴

Abstract*

One way to eradicate poverty is through the implementation of an entrepreneurial empowerment program. In this regard, various entrepreneurial empowerment initiatives have been undertaken by the government and the private sector to strengthen the socioeconomic status of the poor and marginalized. However, overall, the percentage of survival rates of Small and Medium Enterprises entrepreneurs is low. The Department of Social Welfare Malaysia (JKMM) also helped in improving the standard of living of productive recipients through the Socioeconomic Empowerment Program, the 2 Years Exit Programme (2YEP). Therefore, the purpose of this study is to explore how the guided entrepreneurs in the 2YEP Programme achieved long-term sustainability. Through in-depth interviewing, non-participant observation, document analysis and theme analysis, the study found four main themes that answered the research question: Efficient Management System; Efficient Living; Entrepreneurial Characteristics; and Using Social Capital. Based on these findings, the study recommends that future studies be conducted through different methods and theories as well as comparing with other entrepreneurial development programs. In addition, it is recommended that providers of community education and entrepreneurship development programs such as JKMM, funding agencies, state governments and spiritual institutions maintain regular monitoring relationships in maintaining and strengthening entrepreneurs' guidance towards long-term sustainability.

Keywords: **Empowerment, Poverty Eradication, Entrepreneurship, Sustainability, Welfare Recipients, Case Studies**

Sustainable Entrepreneurship Through the Socio-Economic Empowerment Process among Successful 2 Year Exit Programme Entrepreneurs in Negeri Sembilan, Malaysia

1. PENDAHULUAN

Menurut Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2012-2020, 42% perusahaan yang wujud pada tahun 2000 ditutup pada tahun 2005 yang bermaksud terdapat kadar survival hanya 58% dan hanya mampu bertahan selama lima tahun pertama penubuhan (SME Corporation Malaysia, 2012). Kemampuan usahawan PKS dalam berdepan cabaran perniagaan menjadi satu isu dan cabaran terutama kepada pelabur dana seperti agensi kerajaan dan swasta. Oleh itu, pemerkasaan usahawan PKS menjadi penentu kepada kemampuan jangka panjang perniagaan. Kemampuan pemerkasaan juga menjadi penentu kepada pembasmian kemiskinan jangka panjang.

Terdapat pelbagai inisiatif Projek Usahawan Bimbingan di Malaysia yang dijalankan oleh agensi seperti RISDA, MARA, MARDI, dan JKM. Kajian ini memfokus kepada Program *2 Years Exit Programme* (2YEP), iaitu salah satu program kebaikan produktif di bawah Skim Bantuan Kebajikan Geran Pelancaran (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019) untuk membimbang penerima bantuan yang berpotensi dalam perniagaan, namun berpendapatan rendah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan. Program ini bertujuan memperkasakan penerima bantuan yang produktif untuk berdikari, keluar dari kemiskinan, menjana sumber pendapatan yang stabil dan berterusan; dan mewujudkan rangkaian kerjasama semua sektor. Ini sekaligus dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung kerajaan. Program ini melibatkan pemberian bantuan geran kewangan sebanyak RM2700 dan program latihan pembangunan kemahiran keusahawanan selama 2 tahun.

Pelaksanaan 2YEP telah dilaksanakan secara rintis di Negeri Sembilan mulai Oktober 2014 dan di negeri Perlis mulai Januari 2015. Analisis kajian projek rintis Program 2YEP oleh Sharifah Norazizan et al. (2017) mencadangkan antaranya supaya JKM memberikan sokongan yang berterusan dalam pengurusan dan pelaksanaan 2YEP. Tahun berikutnya, Noraida, Salamatussaadah, Wan Zabariah, Haniza, & Mohamad Kamil (2018) melaporkan hasil Kajian Penilaian Outcome Program bagi tahun 2016-2018 bahawa secara keseluruhannya, Program 2YEP Fasa 1 (2016-2018) telah berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM1.9juta setahun dengan seramai 575 orang ditamatkan bantuan. Sehingga kini, program 2YEP diteruskan dan diperluaskan di seluruh negara dengan peningkatan pencapaian iaitu 674 orang peserta berjaya ditamatkan bantuan (Khairul Amri, 2019). Ini membuktikan proses pemerkasaan melalui program pembangunan modal insan seperti 2YEP telah berjaya. Namun begitu, ini tidak membuktikan jangka hayat pemerkasaan yang berkesan. Justeru, persoalan yang memandu kajian ini adalah bagaimana usahawan bimbingan Program 2YEP dapat mencapai keusahawanan jangka panjang yang mampan?

2. TINJAUAN PUSTAKA

Secara amnya, kemampunan bermaksud kehidupan yang terdiri daripada keupayaan, kepelbagai modal dan kegiatan mata pencarian yang mampu untuk hidup; berupaya mengatasi dan memulihkan kehidupan sosial daripada tekanan dan kejutan serta mengekalkan atau meningkatkan keupayaan dan aset yang dimiliki sekarang dan di masa depan, sementara tidak merosakkan sumber semula jadi (Chambers and Conway, 1991; Department for International Development, 1999). Ini ditambah dengan keupayaan manusia mencapai keseimbangan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat (Nik Fuad and Noraien, 2007).

Usahawan dalam kajian ini merujuk kepada Schumpeter (1934) dalam Tyson, Petrin, & Rogers (1994) iaitu sebagai seseorang yang sama ada mencipta kombinasi baharu seperti kaedah baru pembuatan, produk baharu, pasaran baharu, mendapat sumber baharu penawaran dan bentuk organisasi yang baharu; atau sebagai seseorang yang sanggup mengambil risiko; atau seseorang yang meneroka peluang pasaran dan menghapuskan ketidakseimbangan di antara penawaran dan permintaan agregat; atau seseorang yang memiliki dan menjalankan perniagaan.

Manakala kemampunan dalam sektor perniagaan menurut Asfaw (2016) adalah peningkatan usia perniagaan yang seiring kemajuan perniagaan, dan ini yang dikatakan kemampunan jangka panjang sesuatu perusahaan. Dalam konteks usahawan bimbingan, kemampunan jangka panjang perniagaan ini berkait terlebih dahulu dengan pemerkasaan sosioekonomi. Usahawan bimbingan menurut Timmons, (1975) adalah individu dan pasukan yang menumpu kepada pembangunan kemahiran yang diperlukan untuk memulakan usaha yang berjaya. Dalam kata lain, usaha memperkasakan kelompok individu usahawan yang memerlukan bimbingan dan sokongan.

Teori Pemerkasaan oleh Zimmerman (2000) menerangkan pemerkasaan sebagai keupayaan peserta untuk membuat pilihan; melibatkan diri dalam membuat keputusan dan membangunkan rasa kawalan; bergantung kepada sejauh mana mereka mempunyai peluang untuk mengakses; mendapatkan dan menguruskan sumber; dan mengambil bahagian dalam komuniti mereka. Pemerkasaan individu, menurut Lyons, Smuts, & Stephens (2001) memerlukan pelbagai jenis kemahiran dan kebolehan yang mana ia diperolehi daripada pengalaman dan latihan daripada projek-projek pemerkasaan. Menurut Blanchard et al. (2001), ia bukanlah satu perjalanan untuk orang yang lemah semangat. Kerangka Pemerkasaan oleh Malhotra & Schuler (2005) telah menggariskan lima dimensi dan indikator untuk mengukur pemerkasaan iaitu ekonomi; sosial dan budaya; undang-undang; politik; dan psikologi. Manakala, Kerangka Konsep Pemerkasaan oleh Kabeer (1999) menggabungkan tiga dimensi yang saling berkaitan iaitu kepelbagai sumber (pra-syarat yang penting); agensi (proses); dan pencapaian (hasil). Walaupun kedua-dua kerangka tersebut memfokus kepada pemerkasaan wanita, namun keduanya relevan untuk dikaitkan dengan keusahawanan mampan kerana

definisi pemerkasaan menurut Rappaport (1984) adalah satu proses iaitu mekanisme yang mana individu, organisasi, dan masyarakat mendapat penguasaan ke atas kehidupan mereka.

Kebanyakan kajian-kajian berkaitan keusahawanan dan pemerkasaan dijalankan dalam konteks projek pemerkasaan wanita (Afruz, 2018; Alhassan Rabiu, 2018); OKU (Stienstra and Lee, 2019); dan banyak juga kajian mengenai projek pemerkasaan melibatkan pembangunan keusahawanan di negara-negara miskin (Khushk *et al.*, 2016; Kenny, Hasan and Fanany, 2017). Daripada kajian-kajian tersebut, pembinaan keupayaan, harga diri dan efikasi kendiri yang dibangunkan dari projek-projek pemerkasaan ternyata berkesan mempengaruhi peningkatan pencapaian peserta untuk menjadi lebih berdayaupaya. Namun begitu, tidak banyak kajian mengkaji dalam konteks bekas penerima bantuan kebajikan bulanan. Bolehkah mereka bertahan lama berdikari tanpa bergantung lagi dengan bantuan kebajikan setiap bulan? Oleh yang demikian, perlunya kajian ini dijalankan adalah untuk memberikan pemahaman mendalam mengenai realiti sebenar yang dilalui oleh usahawan bimbingan yang telah lama bergantung dengan bantuan kebajikan di negara ini untuk membangunkan diri mereka sendiri secara berdikari.

3. METODE PENELITIAN

Pendekatan kajian kes kualitatif digunakan untuk menerangkan aspek yang diperlukan usahawan bimbingan Program 2YEP dalam membangunkan keusahawanan mampan setelah melalui proses pemerkasaan selama 2 tahun. Seramai lapan orang usahawan bimbingan yang merupakan peserta Program 2YEP di bawah bimbingan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) telah dipilih. Peserta Program 2YEP yang terpilih adalah terdiri daripada bekas penerima bantuan kebajikan ibu tunggal, OKU dan keluarga miskin. Kriteria peserta kajian yang ditetapkan adalah 1) bekas peserta Program 2YEP yang tinggal di Negeri Sembilan (lokasi projek rintis); 2) telah menjalankan perniagaan melebihi lima (5) tahun; 3) berjaya meningkatkan hasil pendapatan melebihi Purata Garis Kemiskinan dan 4) sukarela menamatkan bantuan kebajikan bulanan JKM yang diterima sehingga kini. Bagi memantapkan dapatan kajian, pengumpulan data dijalankan secara triangulasi iaitu temu bual semi berstruktur; pemerhatian tidak turut serta; dan analisis dokumen. Selain itu, untuk kebolehsahan kajian, data dari transkripsi temu bual; pemerhatian; dan dapatan dari interpretasi pengkaji dirujuk kepada peserta kajian untuk tujuan semakan dan pembetulan maklumat yang tidak tepat.

4. TEMUAN DAN PEMBAHASAN

Jadual 1 membentangkan sebahagian dapatan kajian yang diperolehi daripada lapan orang peserta atau responden kajian yang merangkumi rumusan daripada hasil temu bual, pemerhatian tidak turut serta dan analisis dokumen.

Jadual 1: Rumusan hasil temu bual, pemerhatian tidak turut serta dan analisis dokumen

Tema 1 Sistem Pengurusan Cekap	
Sub Tema	Kod
Kemahiran mengurus sumber	Memastikan semua sumber diuruskan dengan baik
Daya kepemimpinan	Menjadi ketua dalam mengatur tugas-tugas pekerja
Pembelajaran berterusan	Belajar bermula dari pengalaman sendiri, Belajar bermula dari pengalaman orang lain
Mempunyai Prosedur Operasi Standard (<i>SOP</i>)	Mempunyai jadual harian perniagaan Mempunyai kod etika perniagaan
Tema 2 Cara Hidup Mapan	
Mengamalkan gaya hidup Islam	Gaya hidup sederhana; Mengamalkan ajaran Islam
Kesedaran untuk berdikari	Ingin bebas dari bergantung dengan bantuan
Beramal sambil bermula	Biar untung sedikit tetapi berterusan; Banyak bersedekah sambil bermula
Berkemampuan menyara kehidupan sekarang dan masa depan	Mampu meningkatkan pendapatan
Tema 3 Keperibadian Keusahawanan	
Devian positif	Sikap yang berbeza dari norma penerima bantuan lain
Bermotivasi tinggi	Mempunyai impian
Berjiwa kebajikan	Keinginan menyumbang kepada masyarakat
Berkongsi ilmu keusahawanan	Mencipta pekerjaan untuk ahli keluarga dan kejiranan; Didik anak bermula dari kecil
Tema 4 Menggunakan Modal Sosial	
Mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak	Hubungan rapat dengan JKM, ahli keluarga, pekerja dan masyarakat
Penglibatan dalam aktiviti sosial dan kebajikan	Sukarelawan kerja kebajikan
Mengukuhkan jaringan usahawan	Jaringan keusahawanan yang luas; Jaringan perniagaan dalam talian dan luar talian

Ciri-ciri luar biasa usahawan bimbingan Program 2YEP yang berjaya di Negeri Sembilan didapati memainkan peranan utama dalam kejayaan memperkasakan diri mereka. Ciri-ciri tersebut paling sesuai diterangkan melalui konsep Devian Positif oleh

Hoffman & Haigh (2011) iaitu individu-individu yang membawa tenaga, kreativiti, dan semangat kepada organisasi dan kepuasan rohani untuk diri mereka sendiri dengan berfikir secara berbeza daripada norma organisasi, penyimpang positif ini juga boleh menjadi pengkritik status quo; mengenal pasti peluang untuk perubahan yang mungkin diabaikan oleh orang lain. Oleh itu, untuk menjawab persoalan kajian bagaimana usahawan bimbingan Program 2YEP mencapai keusahawanan jangka panjang yang mampan daripada perspektif peserta kajian, pengkaji mengkelaskan setiap tema dan sub-tema yang dihasilkan daripada kod bebas awalan melalui transkrip temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Tema yang dibentuk adalah berdasarkan kumpulan kategori yang berkaitan dengan sub-sub tema yang menghuraikan bagaimana usahawan bimbingan 2YEP berjaya memperkasakan diri mereka dengan menggunakan kepelbagai sumber, keupayaan dan agensi yang ada (Kabeer,1999) untuk mencapai keusahawanan yang mampan.

5. PENUTUP

Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemerkasaan golongan miskin dan terpinggir bukanlah sesuatu yang mustahil. Namun begitu, kemauhan diri sendiri untuk berubah yang menentukan titik permulaan kejayaan. Usahawan bimbingan 2YEP yang terlibat dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri Devian Positif yang mana menurut Herington & Fliert (2017) Devian Positif adalah "juara" perubahan yang berjaya menentang semua kemungkinan. Manakala teori yang paling sesuai menerangkan proses pemerkasaan kumpulan usahawan bimbingan Program 2YEP ini adalah Teori Motivasi Pencapaian Keperluan oleh McClelland (1961). Berpandukan ciri-ciri Devian Positif yang memandu perubahan diri, didapati Teori McClelland mampu menerangkan bagaimana pemerkasaan kumpulan usahawan bimbingan Program 2YEP ini tercapai iaitu apabila tiga elemen keperluan berjaya dipenuhi iaitu untuk mencapai taraf sosioekonomi yang lebih baik, untuk beraffiliasi dengan pihak lain seperti JKM; serta untuk mempunyai kuasa berdikari.

Dalam jangka masa panjang, melalui program-program kebijakan produktif, pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan seperti yang disasarkan *Sustainable Development Goal 2030* (United Nations Development Programme, 2015) dapat dicapai. Berdasarkan penemuan ini, kajian menyarankan supaya kajian yang akan datang dijalankan melalui metodologi dan kelompok usahawan bimbingan yang berbeza. Ini adalah untuk membolehkan generalisasi dibuat melalui perbandingan di antara program pembangunan keusahawanan tersebut. Selain itu, adalah dicadangkan penyedia program-program pendidikan komuniti dan pembangunan keusahawanan seperti JKM, agensi pembiayaan, kerajaan negeri dan institusi kerohanian meneruskan hubungan pemantauan berterusan secara berkala dalam mengekalkan pemerkasaan dan

kemampunan jangka panjang usahawan bimbingan dan seterusnya membasmi kemiskinan secara berkesan.

6. DAFTAR PUSTAKA

- Afruz, F., 2018. “*Empowered Women , Peaceful Communities ” Converting Development Initiatives into Sustainable Business Model.* Dhaka, India.
- Alhassan Rabiu, 2018. *Poverty among Women of Zangbalun in Kumbungu District of the Northern Region, University of Ghana.*
- Asfaw, Y. A., 2016. ‘Growth determinants of manufacturing micro-and small enterprises in Ethiopia: An empirical study of Tigray Province’, *Enterprise Development and Microfinance*, 27(4), pp. 273–297. doi: 10.3362/1755-1986.2016.018.
- Blanchard, K., Carlos, J. P. and Randolph, A., 2001. *Empowerment Takes More Than a Minute.* Second, Berrett-Koehler Publishers, Inc. Second. San Francisco: Berrett-Koehler Publishers, Inc. doi: 10.1017/CBO9781107415324.004.
- Chambers, R. and Conway, G. R., 1991. ‘Sustainable rural livelihoods:practical concepts for the 21st century’, *IDS Discussion Paper*, 296(December), p. 33. doi: ISBN 0 903715 58 9.
- Department for International Development, 1999. *Sustainable Livelihoods Guidance Sheets.* London, UK: Department for International Development (DFID). Available at: www.dfid.gov.uk/.
- Herington, M. J. and Fliert, E. Van De, 2017. ‘Positive Deviance in Theory and Practice : A Conceptual Review Positive Deviance in Theory and Practice : A Conceptual Review’, *Deviant Behavior*. Routledge, 00(00), pp. 1–15. doi: 10.1080/01639625.2017.1286194.
- Hoffman, A. J. and Haigh, N., 2011. ‘Positive Deviance for a Sustainable World: Linking Sustainability and Positive Organizational Scholarship’, in Cameron, K. S. and Spreitzer, G. M. (eds) *The Oxford Handbook of Positive Organizational Scholarship.* New York, USA: Oxford University Press, pp. 953–964.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019. *Perkhidmatan Geran Pelancaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat.* Available at: <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=NWxtc1E1eCs4VDI2SFA4bkg3M0FaQT09> (Accessed: 9 October 2019).
- Kabeer, N., 1999. ‘Resources , Agency , Achievements: Reflections on the Measurement of Women’s Empowerment’, *Development and Change*, 30(May),

- pp. 435–464. doi: <https://doi.org/10.1111/1467-7660.00125>.
- Kenny, S., Hasan, A. and Fanany, I., 2017. ‘Community Development in Indonesia’, *Community Development Journal*, 52(1), pp. 107–124. doi: 10.1093/cdj/bsw059.
- Khairul Amri, A., 2019. ‘Keberkesanan Sistem Pengurusan Kes (CMS) Kerja Sosial dalam 2 Years Exit Programme (2 YEP) Jabatan Kebajikan Masyarakat’, in *MASW-JKM-ISM International Social Work Symposium 27 & 28th April 2019*, pp. 229–236.
- Khushk, G. M. et al., 2016. ‘Empowerment Among Small Farmers Of Sindh Province, Pakistan’, *Asian Economic and Social Society*, 6(3), pp. 41–49. doi: 10.18488/journal.1005/2016.6.3/1005.3.41.49.
- Lyons, M., Smuts, C. and Stephens, A., 2001. ‘Participation , Empowerment and Sustainability : (How) Do the Links Work ?’, *Urban Studies*, 38(8), pp. 1233–1251. doi: <https://doi.org/10.1080/00420980125039>.
- Malhotra, A. and Schuler, S. R., 2005. ‘Women’s Empowerment as a Variable in International Development’, in Narayan, D. (ed.) *Measuring empowerment: Cross-disciplinary perspectives*. Washington DC, USA: The World Bank, pp. 71–88. Available at: https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/7441/344100PAP_ER0Me101Official0use0only1.pdf?sequence=1&isAllowed=y.
- McClelland, D. C., 1961. *The Achieving Society*, University of Illinois at Urbana Champaign Academy for Entrepreneurial Leadership Historical Research Reference in Entrepreneurship. doi: 10.2139/ssrn.1496181.
- Nik Fuad, N. M. K. and Noraien, M., 2007. *Penghidupan Mapan*. Cetakan Pe. Kuala Terengganu, Malaysia: Universiti Malaysia Terengganu.
- Noraida, I. et al., 2018. ‘Kajian Penilaian Outcome: Program Exit Bagi Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Produktif’, *Jurnal Kebajikan Masyarakat (Social Welfare Journal)*, 45(Nov), pp. 109–118.
- Rappaport, J., 1984. ‘Studies in empowerment: Introduction to the issue’, *Prevention in Human Services*, 3(2–3), pp. 1–7. doi: 10.1300/J293v03n02_02.
- Sharifah Norazizan, S. A. R. et al., 2017. *Laporan Akhir Kajian Keberkesanan Bantuan Kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*. Serdang, Selangor.
- SME Corporation Malaysia, 2012. ‘Ringkasan Pelan Induk PKS 2012-2020’. Kuala Lumpur, Malaysia: SME Corporation Malaysia, p. 187.

- Stienstra, D. and Lee, T. M. L., 2019. ‘Disabilities and Livelihoods: Rethinking a Conceptual Framework’, *Societies*, 9(67), pp. 1–14. doi: 10.3390/soc9040067.
- Timmons, J. A., 1975. ‘Guided entrepreneurship’, *Business Horizons*, 18(6), pp. 49–52. doi: 10.1016/0007-6813(75)90040-3.
- Tyson, L. d. A., Petrin, T. and Rogers, H., 1994. ‘Promoting Entrepreneurship in Eastern Europe’, *Small Business Economics*, 6(3), pp. 165–184. doi: 10.1007/BF01108286.
- United Nations Development Programme, 2015. *Sustainable Development Goals*, *id.undp.org*. Available at: <http://www.undp.org/content/undp/en/home/sustainable-development-goals.html%0Awww.id.undp.org/content/indonesia/en/home/sustainable-development-goals.html>.
- Zimmerman, M. A., 2000. ‘Empowerment Theory: Psychological, Organizational and Community Levels of Analysis’, in Rappaport, J. and Seidman, E. (eds) *Handbook of Community Psychology*. 1st edn. New York: Springer Science+Business Media, pp. 43–63.